

**MEMPERKASA  
KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT  
DI MALAYSIA**



# **MEMPERKASA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT DI MALAYSIA**

Penyunting:

Zahari Mahad Musa  
Azman Ab Rahman  
Adibah Abdul Wahab

Penerbit USIM  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan

**2017**

**CETAKAN PERTAMA 2017**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**PENERBIT USIM**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: +06-798 8226/6081 | Faks: +06-798 6083  
[www.penerbit.usim.edu.my](http://www.penerbit.usim.edu.my)  
[info.penerbit@usim.edu.my](mailto:info.penerbit@usim.edu.my)

**Penerbit USIM adalah anggota  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)**

Dicetak di Malaysia oleh:

**ZARASA ENTERPRISE**

C-7-G, Jalan Jati 9,  
Acacia Avenue, Putra Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
[zarasaenterprise@gmail.com](mailto:zarasaenterprise@gmail.com)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MEMPERKASA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT DIMALAYSIA / Penyunting:

Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman, Adibah Abdul Wahab

Includes index

ISBN 978-967-440-385-0

1. Zakat--Malaysia. 2. Islam--Charitie--Malaysia. 3. Islamic Giving

I. Zahari Mahad Musa. II. Azman Ab. Rahman, Prof.Madya, Dr.

III. Adibah Abdul Wahab.

297.5409595.

# KANDUNGAN

Kandungan.....	v
Kata Pengantar.....	ix
Prakata .....	xi
Bab 1 Analisis Had Kifayah Semasa di Malaysia: Satu Semakan Semula <i>Baharuddin Sayin, Azri Bhari &amp; Mohd Afandi Mat Rani</i> .....	1
Bab 2 Skim Agihan Zakat Asnaf <i>Al-Ghārimīn</i> di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia <i>Halim Ismail &amp; Mohd Noor Daud</i> .....	11
Bab 3 Perakaunan Zakat Korporat di Kota Medan, Indonesia <i>Zahri Hamat &amp; Irfan</i> .....	21
Bab 4 Perakaunan Zakat Pertanian di Malaysia: Analisis dari Perspektif Cendekiawan Islam Klasik dan Kontemporari <i>Mohd Shukri Hanapi &amp; Zahri Hamat</i> .....	35
Bab 5 Status Kelayakan Membayar Zakat Pendapatan Berdasarkan Had Kifayah Perbelanjaan <i>Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Salwa Amirah Awang &amp; Mohd Yahya Mohd Hussin</i> .....	59
Bab 6 Amalan Kutipan Zakat Rentas Sempadan Tanpa Tauliah: Satu Penelitian Awal <i>Sarip Adul, Mohamed Hadi Abd Hamid &amp; Ibrahim Ismail</i> .....	73
Bab 7 Isu Pemilikan dalam Amalan Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam <i>Muhammad Ikhlas Rosele &amp; Luqman Haji Abdullah</i> .....	89
Bab 8 Model Taksiran Zakat Padi di Malaysia <i>Nor Aini Ali &amp; Luqman Abdullah</i> .....	97
Bab 9 Had Kifayah Zakat Pendapatan Berasaskan Maqasid Syariah <i>Azman Ab. Rahman, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Khairil Faizal Khairi &amp; Zulhilmi Mohamed Nor</i> .....	115
Bab 10 Agihan Dana Zakat Melalui Mikro Kredit di Malaysia <i>Nurul Ilyana Muhd Adnan &amp; Zahri Hamat</i> .....	131
Bab 11 Analisis Perbandingan Pembayaran Zakat Fitrah dan Ketirisan di Negeri-Negeri Terpilih <i>Mohd Yahya Mohd Hussin, Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad &amp; Fatimah Salwa Abdul Hadi</i> .....	141
Bab 12 Kedudukan Zakat Sebagai Rebat Cukai Pendapatan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 <i>Izlawanie Muhammad, Nur Shahira Mohamad Nor &amp; Azman Ab Rahman</i> .....	157
Bab 13 Keperluan Kerangka Syariah dalam Tadbir Urus Zakat <i>Mohamad Amin bin Ibrahim</i> .....	165

Bab 14 Pelaksanaan Konsep Maqasid Syariah dalam Agihan Zakat Fakir Miskin di Selangor <i>Mohd Fariz bin Abdul Razak</i> .....	177
Bab 15 Pengurusan Tadbir Urus Syariah: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor <i>Adibah Abdul Wahab</i> .....	189
Bab 16 Tranformasi Pemerksaan Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia <i>Azman Ab Rahman</i> .....	201
Bab 17 Zakat Harta Individu Berasaskan Nisab Emas: Kajian Syariah dan Pelaksanaannya di Selangor <i>Syaharina binti Abdullah</i> .....	217
Bab 18 Kajian Migrasi Zakat dari Selangor ke Luar Negeri Selangor oleh Pihak Tidak Bertauliah: Analisis dari Sudut Hukum Syarak dan Perundangan <i>Mohammad Farid bin Mohammad Zainal</i> .....	229
Bab 19 Pengiraan Zakat ke Atas Unit Amanah: Satu Penilaian Semula <i>Ahmad Basri bin Ibrahim &amp; Muhammad Hafiz bin Zainudin</i> .....	241
Bab 20 ‘Bizzakat’ <i>Halidan Bin Md Daud</i> .....	255
Bab 21 Usaha Penentuan Ukuran Isipadu Gantang dan Kepentingannya dalam Pemerksaan Kutipan Zakat Fitrah <i>Dg. Nooremah Ag. Said, Azman Ab Rahman &amp; Hafidzi Hamdan</i> .....	265
Bab 22 Usaha Penentuan Ukuran Isipadu Cupak Sebagai Rujukan Pembayaran Zakat di Malaysia <i>Hafidzi Hamdan, Azman Ab Rahman &amp; Dg. Nooremah Ag. Said</i> .....	275
Bab 23 Penambahbaikan Urus Tadbir Berkenaan Uruf Zakat Emas Perhiasan di Institusi Zakat <i>Tutasting@ Rawi Nordin &amp; Noraini Saro</i> .....	281
Bab 24 Pendedahan Maklumat Zakat bagi Pelaporan Institusi Islam: Kajian Terhadap Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia <i>Hairunnizam Wahid, Mohd Fairuz Md Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Harun &amp; Ainol Basirah Abdul Wahab</i> .....	287
Bab 25 Analisis Hukum Penggunaan Nilai Wang dalam Pembayaran Zakat Fitrah di Malaysia <i>Azri Bhari , Luqman Abdullah, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Ashrof Zaki Yaakob &amp; Baharuddin Sayin</i> .....	301
Bab 26 Analisis Terhadap Ijtihad Umar Bin Al-Khattab Tentang Zakat Kuda <i>Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Abdul Manan Ismail, Mushaddad Hasbullah &amp; Nur Fatin Halil</i> .....	309
Bab 27 Keperluan Modul Intervensi Kemahiran Daya Tindak (MIDK) bagi Asnaf Mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia <i>Kamariah Derasol, Mohd Salleh Amat &amp; Hairunnizam Wahid</i> .....	327

Bab 28 Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Mualaf: Kajian Kes Kolej Dar Al-Hikmah <i>Muhammad Haffiz Muhamad Isa &amp; Hairunnizam Wahid</i> .....	339
Bab 29 Inovasi Gamifikasi Global Zakat Game (GZG) dalam Pendidikan Islam <i>Nurkhamimi Zainuddin, Azman Ab. Rahman, Zahari Mahad Musa, Norlina Ismail &amp; Siti Zulaikha Mokhtar</i> .....	355
Bab 30 Kajian Retrospektif Terhadap Perlaksanaan Agihan Asnaf <i>Fisabilillah</i> di Zaman Nabi Muhammad SAW dan Implementasi di Lembaga Zakat Selangor <i>Hamizul bin Abdul Hamid</i> .....	371
Bab 31: Kesan Tadbir Urus yang Baik ke Atas Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat: Kerangka Konsep Pelaksanaan Kawalan Dalaman <i>Nazifah Mustaffha</i> .....	385
Bab 32 Kesalahan Memungut Zakat oleh Orang yang Tidak Dilantik atau Diberikuasa oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri di Malaysia <i>Syed Mohd Najib Syed Omar, Azman Ab. Rahman, Zahari Mahad Musa &amp; Ahmad Anis Muhd Fauzi</i> .....	393
Bab 33 Tadbir Urus Zakat dalam Institusi Perbankan dan Kewangan Islam <i>Shamsiah binti Mohamad, Silmi binti Mohamed Radzi &amp; Dk Syaida Mahyana binti Pg Hj Idris</i> .....	409





## KATA PENGANTAR

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang atas limpahan rahmat dan kasih sayang-Nya.

Bagi pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS), saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli jawatankuasa Muzakarah Zakat Kebangsaan 2017 yang terlibat dalam menjayakan muzakarah ini. Usaha murni yang diambil untuk menghasilkan buku ini memperlihatkan kesungguhan dan komitmen semua ke arah perkongsian dan pendedahan tentang isu-isu kontemporari mengenai kutipan dan agihan zakat di Malaysia.

Zakat merupakan satu instrumen penting bagi pembangunan ekonomi Islam dan dapat menyucikan harta dan jiwa seseorang muslim serta dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi ummah. Majlis Agama Islam Negeri dan institusi zakat mesti sentiasa proaktif dalam memperkasakan pengurusan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Perkara ini amat penting bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kewajipan berzakat dan seterusnya meningkatkan kutipan zakat yang secara langsung dapat membantu masyarakat yang memerlukan.

Saya yakin buku ini dapat dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan oleh institusi zakat, Majlis Agama Islam Negeri, institusi perbankan dan kewangan Islam, ahli akademik, para ilmuan dan masyarakat dalam mengetahui secara terperinci tentang isu-isu dan cabaran yang berkaitan dengan pemeraksanaan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Buku ini diharapkan dapat memberi idea dan panduan dalam mencadangkan kaedah dan mekanisme terbaik bagi memperkasakan institusi zakat dalam aspek kutipan dan agihan di Malaysia di samping memberi kefahaman yang jelas kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan dan pentadbiran zakat di Malaysia.

Semoga usaha kecil ini akan mendapat ganjaran sebagai sebahagian daripada amal soleh oleh Allah SWT. *Jazakallahu Khairan Kathira*

**HAJI HUSIN BIN ALI**

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Zakat Selangor

Majlis Agama Islam Selangor



## **PRAKATA**

Alhamdulillah, segala puji dan setinggi-tinggi syukur dipanjatkan kepada Allah SWT Yang Maha Penyayang kerana dengan taufik dan inayah-Nya buku ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Zakat merupakan satu elemen penting yang digariskan dalam Rukun Islam, yang mana wajib ditunaikan oleh semua Muslim. Pengurusan institusi zakat secara berkesan dan efisien amat penting bagi memastikan objektif zakat yang diwajibkan ke atas setiap muslim tercapai. Pelbagai isu yang berkaitan kutipan dan agihan zakat sentiasa timbul yang memerlukan kepada perbincangan dan diskusi secara hikmah dan harmoni bagi memastikan keputusan dan pelaksanaan yang dilakukan menepati kehendak syarak. Justeru, buku ini diterbitkan dengan harapan menjadi wadah untuk memberikan manfaat dan idea dalam memperkasakan kutipan dan agihan zakat di Malaysia.

Buku ini merupakan hasil kompilasi artikel-artikel daripada penganjuran Muzakarah Zakat Kebangsaan 2017 anjuran bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS), Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM, Sekretariat Pusat Zakat Negeri-Negeri (SPZN), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM). Penerbitan buku ini membincangkan pelbagai isu semasa yang meliputi isu-isu kontemporari kutipan dan agihan zakat, institusi amil, hukum-hakam serta cabaran yang berkaitan dengan pemeraksanaan kutipan dan agihan zakat sama ada secara langsung atau tidak langsung di Malaysia.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada para penyumbang artikel dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada institusi-institusi zakat, Majlis Agama Islam Negeri, ahli akademik, para pelajar dan masyarakat awam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**ZAHARI MAHAD MUSA**

**AZMAN AB RAHMAN**

**ADIBAH ABDUL WAHAB**

Sidang Penyunting

Muzakarah Zakat Kebangsaan 2017

## **PENDEDAHAN MAKLUMAT ZAKAT BAGI PELAPORAN INSTITUSI ISLAM: KAJIAN TERHADAP MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DI MALAYSIA<sup>1</sup>**

Hairunnizam Wahid<sup>i</sup>, Mohd Fairuz Md Salleh<sup>ii</sup>, Norida Basnan<sup>iii</sup>, Azlina Ahmad<sup>iv</sup>,  
Azizah Harun<sup>v</sup> & Ainol Basirah Abdul Wahab<sup>vi</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; hairun@ukm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Perakaunan, FEP, UKM; fairuzmd.salleh@yahoo.com

<sup>iii</sup> Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Perakaunan, FEP, UKM; norida@ukm.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Perakaunan, FEP, UKM; azlina@ukm.edu.my

<sup>v</sup> Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Perakaunan, FEP, UKM; azizahmh@ukm.edu.my

<sup>vi</sup> Pensyarah, Pusat Pengajian Perakaunan, FEP, UKM; ainolbasirah@ukm.edu.my

---

### **Abstrak**

Perakaunan zakat merupakan satu cabang kajian yang penting pada masa kini dalam mentadbir urus segala transaksi kewangan sesebuah institusi zakat. Pengurusan dana kumpulan wang zakat merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang besar yang dipikul oleh institusi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pelaporan dana zakat tersebut perlu dipersembahkan dalam bentuk penyata kewangan yang sistematik dan profesional mengikut kerangka konseptual akauntabiliti dan maqasid syariah agar ia dapat menggambarkan ketelusan serta tahap profesional yang tinggi institusi Islam berkaitan dalam menguruskan dana tersebut dan seterusnya dapat menzahirkan akauntabilitinya kepada Allah SWT dan kepada ummah. Pendedahan maklumat zakat dalam laporan kewangan institusi berkenaan diharapkan dapat memuaskan pihak pemegang taruh yang berkaitan pengurusan dana zakat termasuklah pihak pembayar zakat, asnaf, pihak institusi, pihak kerajaan dan masyarakat secara am, yang akhirnya akan menjadikan sesebuah institusi Islam sebagai sebuah institusi yang mapan dan kekal berdiri sebagai syiar kebanggaan institusi umat Islam. Kajian ini meneliti pandangan pihak pelaksana dalam bidang perakaunan, pihak pakar dan akademik, pihak pembuat dasar di institusi MAIN serta pihak kerajaan yang terlibat terhadap item pendedahan maklumat zakat agar akhirnya dapat dibentuk satu piawaian perakaunan Islam secara khususnya dalam pengurusan zakat. Hasil kajian ini mendapati persepsi yang diberikan oleh pihak yang berkepentingan adalah di tahap persetujuan yang tinggi bagi lima item utama pendedahan maklumat zakat. Ini jelas menunjukkan kesemua pihak ingin melihat satu piawaian perakaunan Islam diwujudkan secepat mungkin agar satu garis panduan dalam menentukan pendedahan minimum maklumat berkaitan zakat dapat digunapakai. Namun beberapa isu berkenaan pengiktirafan dan pengukuran dana zakat serta pendedahan maklumat zakat perlu ditangani secara ilmiah mengikut syariah agar kewujudan piawaian perakaunan Islam dalam pengurusan zakat dapat direalisasikan di masa akan datang.

**Kata Kunci:** Zakat, Pelaporan, Institusi Islam.

---

---

<sup>1</sup> Penghargaan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) atas geran yang diberikan. Kod Projek EP-2017-027

## PENGENALAN

Zakat merupakan ibadah yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas umat Islam yang mukallaf serta telah memenuhi syarat-syarat bagi mengeluarkan sebahagian dari hartanya untuk diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya. Istilah zakat selepas solat sebanyak 27 kali dalam Al Quran menggambarkan signifikan pelaksanaannya oleh umat Islam (Qardawi, 2000). Zakat adalah sejumlah harta yang wajib dikeluarkan oleh pemeluk agama Islam yang wajib diberikan kepada yang berhak menerima, sesuai yang ditetapkan oleh syariah. Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dari lima rukun Islam. Mengeluarkan zakat ini seiring dengan perintah daripada rukun Islam yang lainnya iaitu shahadat, shalat, puasa dan haji. Perintah mengeluarkan zakat ialah datang daripada Allah SWT, sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat”.  
(al-Nur: 56).

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar RA, baginda akan memerangi orang-orang yang tidak membayar zakat kerana harta yang diperoleh daripada orang kaya juga terdapat hak untuk orang miskin. Ini bererti tanpa mengeluarkan zakat seperti juga tanpa sembahyang, puasa dan sebagainya, keislaman seseorang itu tidak boleh tegak dengan baik atau tidak tertegak langsung. (Mahmood Zuhdi, 2002). Berkaitan dengan agihan zakat pula, ianya telah dijelaskan dalam surah At-Taubah ayat 60:

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hambanya yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana"  
(al-Taubah (9) : 60)

Pengurusan Zakat di Malaysia adalah termasuk di bawah Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu di bawah bidang kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Berdasarkan peruntukan yang diberikan tersebut, setiap negeri bebas membentuk struktur pentadbiran hal ehwal Islam termasuk pentadbiran zakat mengikut kesesuaian masing-masing. Secara umumnya, MAIN telah ditubuhkan di setiap negeri bagi mengendalikan urusan berkaitan agama Islam. Antara tanggungjawab MAIN ialah menguruskan pentadbiran zakat dan menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu bagi pihak Sultan (iaitu bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja atau Sultan) dan bagi pihak Yang di-Pertuan Agong

(iaitu bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan) (Ahmad Shahir et al, 2016).

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk melihat keberkesanan dan kecekapan Institusi zakat dalam menguruskan dana zakat (contohnya Ali, 1990; Ismail, 2000; Noor et al, 2004; Dollah et al, 2004; Halidan, 2006; Ismail, 2006; Kamil, 2005; Abu-Bakar et al, 2006; Zainal Abidin, 2006). Kebanyakan kajian mendapati bahawa kurang maklumat pendedahan mengenai jumlah agihan dan kepada siapa agihan telah dibuat (Wahid dan Kader, 2010). Selain itu, lebih dana zakat yang tidak diagihkan pada akhir tempoh perakaunan dan lebih kumulatif dana zakat yang agak besar merupakan satu isu yang perlu dibincangkan. Seperti yang disentuh di bahagian lain dalam kajian ini, jenis maklumat yang perlu dilaporkan ialah satu isu penting untuk wakaf, zakat dan baitulmal. Berkaitan dengan isu tersebut, ia adalah penting, pada permulaannya, untuk mengenal pasti jenis-jenis maklumat yang dianggap relevan oleh pengguna. Penentuan siapa pihak berkepentingan akan mempunyai kesan ke atas jenis-jenis maklumat yang akan didedahkan (Connolly dan Hyndman, 2013). Begitu juga, Zainon et al. (2014) menyokong perdebatan ini apabila mereka berhujah bahawa ia adalah perlu untuk mengenal pasti keperluan maklumat pihak berkepentingan badan amal untuk memastikan bahawa maklumat yang didedahkan adalah relevan. Ini adalah penting kerana pendedahan maklumat yang memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan boleh mengukuhkan dan mengekalkan hubungan positif badan amal itu dengan penderma. Mereka mencadangkan senarai semak item yang boleh membantu penyedia laporan untuk melaksanakan pelaporan untuk badan kebajikan supaya dapat memenuhi keperluan pihak-pihak berkepentingan terhadap maklumat yang berguna dan relevan. Selaras dengan hujah sebelumnya, Sapingi, et al. (2014) membangunkan indeks pendedahan untuk membolehkan seseorang untuk menentukan kualiti maklumat yang didedahkan oleh Institusi zakat.

Menurut kajian oleh Fisul et al. (2017), Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, Selangor dan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, Selangor dan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan dua jenis pengauditan iaitu pengauditan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan. Pengauditan Penyata Kewangan berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Institusi Zakat bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan Pengurusan Kewangan pula bertujuan untuk menilai sama ada


pengurusan kewangan di Institusi Zakat dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Selaras dengan keperluan pengauditan ini, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007. Ini menggambarkan isu kutipan dan agihan zakat merupakan isu yang selalu dibangkitkan oleh masyarakat terutamanya pihak pemegang taruh termasuklah pembayar zakat. Satu piawaian perakaunan zakat berdasarkan kerangka konseptual akauntabiliti dalam Islam dan maqasid syariah adalah perlu diadakan bagi menangkis tomanan negatif masyarakat Islam. Piawaian yang akan dicadangkan adalah termasuk piawaian berkaitan pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang juga melibatkan maklumat berkaitan dana zakat. Bagi tujuan pembentukan piawaian tersebut, satu senarai item pendedahan bagi pelaporan institusi Islam termasuk institusi mentadbir zakat telah dilakukan oleh kajian Salleh et al (2016) dan kajian ini juga mendapatkan respons daripada pihak berkepentingan atau pihak pemegang taruh terhadap item pendedahan wakaf, zakat dan baitulmal.

Sebagai lanjutan daripada kajian Salleh et al. (2016), kajian ini akan; (1) menganalisis tahap persetujuan terhadap item pendedahan pengurusan zakat dalam penyata kewangan, (2) mengkaji dan menyusun mengikut keutamaan terhadap item pendedahan zakat, dan (3) membincangkan beberapa isu perakaunan zakat dan amalan oleh MAIN. Hasil kajian ini amat signifikan untuk membentuk satu piawaian perakaunan Islam dalam pengurusan zakat negeri.

### **Proses pembangunan pendedahan bagi pelaporan maklumat zakat:**

Dalam membangunkan indeks pendedahan bagi pelaporan institusi zakat di MAIN, beberapa prosedur telah dilakukan oleh kajian ini seperti yang ditunjukkan di Rajah 1 (lihat Salleh et al, 2016)

**Rajah 1: Proses Pembangunan Indeks Pendedahan**



Sumber: Salleh et al (2016)

Kajian ini mendapati langkah pertama ialah pengenalpastian item-item pendedahan bermula dengan deraf awal indeks termasuklah maklumat berkenaan aspek dan kesemua item ini dikenalpasti berdasarkan Al-Quran, Hadith, *Ijma'*

dan/atau *Qiyas*, serta dapatan kajian-kajian lepas berkaitan perakaunan dan pelaporan dari perspektif Islam serta cadangan pendedahan oleh AAOIFI *sharia standards*. Ini seterusnya diikuti oleh langkah kedua iaitu mendapatkan pandangan dari pihak institusi zakat dan baitulmal, pakar perakaunan dan kewangan Islam. Menurut kajian tersebut, satu deraf awal indeks pendedahan telah diedarkan kepada MAIN yang berkaitan untuk mendapat pandangan mereka yang terlibat secara langsung dengan perakaunan dan pelaporan tentang item-item pendedahan dalam deraf awal indeks berkenaan. Selepas pandangan daripada pihak institusi dan pakar diperolehi, pindaan dibuat terhadap deraf awal indeks pendedahan yang mana terdapat item pendedahan dalam deraf berkenaan yang sama maksud/bertindih dan tidak relevan dengan ciri dan persekitaran institusi berkenaan. Item-item ini dikeluarkan dan sebahagian item lain ditambah mengikut cadangan pihak institusi dan pakar.

Langkah seterusnya iaitu ketiga ialah proses pemetaan indeks pendedahan dengan Maqasid Syariah dimana setiap item pendedahan dalam deraf indeks pendedahan yang telah dibuat pindaan dalam Langkah 2 dipetakan dengan maqasid syariah yang diaplikasikan dalam pelaporan seperti yang telah dibincangkan di atas. Tujuan pemetaan ini adalah untuk memastikan setiap item yang dicadangkan memenuhi tuntutan syariah agar keseluruhan pelaporan institusi zakat adalah berlandaskan prinsip perakaunan dan pelaporan Islam dalam memenuhi tuntutan akauntabiliti secara holistik melalui pelaporan. Selain pemetaan berdasarkan 5 elemen dalam maqasid syariah iaitu agama, jiwa/nyawa, akal, keturunan dan harta, darjah keutamaan untuk kemaslahatan ummah atau masyarakat sejagat seperti yang dibincangkan sebelum ini juga diambil kira. (untuk melihat pemetaan yang lengkap, sila lihat Mohd Fairuz et al, 2016). Langkah seterusnya yang amat penting ialah proses menyemak kepada perundangan (Enakmen Negeri) dimana dalam proses semakan perundangan, enakmen yang digunapakai oleh kerajaan negeri yang telah dirujuk adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam khususnya bagi pengurusan kewangan zakat atau Enakmen Zakat dan Fitrah. Akhirnya langkah kelima ialah pengesahan item pendedahan oleh pakar perakaunan dan kewangan Islam dimana langkah terakhir ini adalah langkah penting untuk memuktamadkan indeks pendedahan bagi pelaporan institusi zakat yang memenuhi tuntutan syariah sekaligus memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada Allah SWT dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat. Pada peringkat ini indeks pendedahan dan hasil pemetaan indeks dengan maqasid syariah dibawa kepada pakar perakaunan dan kewangan Islam<sup>2</sup> untuk mendapatkan pandangan dan pengesahan mereka.

## **METODOLOGI**

Kaedah Pensampelan Data: Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu:

---

<sup>2</sup> Pakar yang terlibat ialah Dr Zaharuddin Abdul Rahman (IIUM) dan Prof Dr Wan Abdul Rahim (USIM).



(1) menggunakan data primer melalui borang soal selidik yang telah diedarkan dan telah dikutip di Seminar Penyelidikan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Di Malaysia pada hari Selasa, 25 Oktober 2016 di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya anjuran oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang bertujuan sebagai platform bagi mendapatkan maklumbalas dan membincangkan dapatan kajian berkaitan pendedahan perakaunan semasa di institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia. Hampir seratus lapan puluh dua (182) borang soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 96 borang adalah sesuai untuk dianalisis. Responden adalah terdiri daripada panel pakar perakaunan dan syariah, audit, piawaian perakaunan serta pengamal perakaunan di Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal daripada seluruh negeri di Malaysia.

(2) Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan mendapatkan maklumbalas secara khusus daripada pihak pelaksana yang terdiri daripada ahli jawatankuasa MAIN, pihak jabatan mufti negeri, akauntan dan pegawai kewangan MAIN dan sebagainya. Kajian ini juga telah meneliti Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata Kewangan MAIN bagi tahun 2014/2015. Ini bertujuan untuk meneliti segala perekodan dan maklumat kewangan yang berkaitan.

Kaedah Analisis Data: Maklumbalas yang lengkap menjadi data terkumpul yang kemudiannya dianalisis mengikut turutan soalan dan disusun dalam bentuk jadual. Setiap item pendedahan yang dirujuk adalah dijawab oleh responden berdasarkan satu skala menggambarkan tahap persetujuan iaitu bernilai 1 adalah sangat tidak setuju sehingga bernilai 5 menggambarkan tahap sangat setuju. Setelah itu, data yang diperolehi bagi setiap item pendedahan dianalisis dengan rujukan terhadap statistik deskriptif, iaitu daripada nilai skor min yang diperolehi. Kajian oleh Bahril B. Balli dan Wahid Razzaly (2010) menunjukkan apabila ia dikaitkan dengan skala *Likert*, analisisnya adalah seperti dalam Jadual 1. Jadual interpretasi min yang digunapakai oleh kajian ini diadaptasi daripada kajian Bahril B. Balli dan Wahid Razzaly (2010) yang mengubahsuai daripada jadual interpretasi oleh Wiersma untuk kajian pendidikan, sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik**

Skor min	Interpretasi
1.00 hingga 2.40	Rendah
2.41 hingga 3.80	Sederhana
3.81 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Bahril B. Balli & Wahid Razzaly (2010)

## HASIL KAJIAN

Berdasarkan Jadual 2, nilai min item kutipan zakat sebagai terimaan adalah 4.69, diikuti agihan zakat sebagai pembayaran (4.68) dan amaun zakat belum agih adalah 4.69. Kesemua item menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi.

**Jadual 2: Pendedahan Penyata Berasingan Kumpulan Wang Zakat (termasuk nota kepada akaun)**

Bil	Item	Nilai Min <sup>1</sup>	Tahap Persetujuan <sup>2</sup>
1.	Kutipan zakat sebagai terimaan (bukan sebagai hasil)	4.69	Tinggi
2.	Agihan zakat sebagai pembayaran (bukan sebagai belanja)	4.68	Tinggi
3.	Amaun zakat belum agih	4.69	Tinggi
	Purata	4.68	Tinggi

Nota: <sup>1</sup> berasaskan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju  
<sup>2</sup> Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 2016

Manakala Jadual 3 pula menunjukkan item yang mempunyai nilai min tertinggi adalah item laporan prestasi pengurusan zakat (4.64), diikuti maklumat kumpulan penerima zakat mengikut kategori asnaf (4.62) dan seterusnya intipati fatwa semasa berkaitan zakat (4.60). Min purata untuk konstruk ini ialah 4.56 iaitu pada tahap persetujuan yang tinggi.

**Jadual 3: Pendedahan penting maklumat Zakat**

Bil	Item	Nilai Min <sup>1</sup>	Tahap Persetujuan <sup>2</sup>
1.	Intipati Fatwa semasa berkaitan zakat	4.60	Tinggi
2.	Kumpulan penerima zakat mengikut kategori asnaf	4.62	Tinggi
3.	Peratus agihan zakat per kategori berbanding jumlah agihan	4.57	Tinggi
4.	Carta/ Jadual kutipan dan agihan zakat – tahun semasa dan tahun-tahun kebelakang	4.47	Tinggi
5.	Carta/ Jadual amaun zakat yang belum diagih pada akhir tahun dan zakat belum diagih terkumpul	4.54	Tinggi
6.	Carta/ Jadual belanja operasi kutipan dan agihan zakat – tahun semasa dan tahun-tahun kebelakang	4.53	Tinggi
7.	Laporan prestasi pengurusan zakat secara keseluruhan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan ( <i>outcome</i> ))	4.64	Tinggi
	Purata	4.56	Tinggi

Nota: <sup>1</sup> berasaskan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju

<sup>2</sup> Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 2016

Jadual 4 menunjukkan item maklumat kutipan zakat. Kajian ini mendapati item yang mempunyai nilai min yang tertinggi ialah item amaun kutipan zakat mengikut jenis (4.69), diikuti oleh item amaun kutipan zakat mengikut sumber (4.60) dan amaun zakat mengikut sektor (4.35). Nilai min keseluruhan ialah 4.39 iaitu pada tahap persetujuan yang tinggi.

**Jadual 4: Pendedahan Maklumat Kutipan Zakat**

Bil	Item	Nilai Min <sup>1</sup>	Tahap Persetujuan <sup>2</sup>
1.	Amaun kutipan mengikut lokasi	4.31	Tinggi
2.	Amaun kutipan mengikut sektor	4.35	Tinggi
3.	Amaun kutipan mengikut jenis (Zakat fitrah, Zakat Harta, Zakat Pendapatan, Zakat Emas dll.)	4.69	Tinggi
4.	Amaun kutipan zakat mengikut sumber (Contoh: Penggajian, perniagaan, saham)	4.60	Tinggi
5.	Sasaran amaun kutipan zakat mengikut jenis	4.33	Tinggi
6.	Perbandingan kutipan sebenar dan kutipan sasaran bagi setiap jenis zakat	4.29	Tinggi
7.	Indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan ukuran keberhasilan ( <i>outcome</i> ))	4.34	Tinggi
8.	Strategi dan perancangan masa depan tentang kutipan zakat (termasuk sumber penemuan zakat baru. Contoh: Zakat keatas saham dan cara kutipan masa hadapan seperti contoh melalui kad debit/kredit.)	4.23	Tinggi
	Purata	4.39	Tinggi

Nota: <sup>1</sup> berasaskan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju

<sup>2</sup> Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 2016

Jadual 5 menunjukkan item yang berkaitan dengan maklumat agihan zakat. Kajian ini mendapati purata min keseluruhan item di bahagian maklumat agihan zakat ialah 4.44 iaitu berada pada tahap persetujuan yang tinggi. Kajian mendapati nilai min item yang tertinggi ialah item amaun agihan mengikut klasifikasi asnaf (4.76), diikuti oleh item peratusan agihan mengikut klasifikasi asnaf (4.70) dan amaun agihan mengikut keutamaan asnaf (4.70).

**Jadual 5: Pendedahan Maklumat Agihan Zakat**

Bil	Item	Nilai Min <sup>1</sup>	Tahap Persetujuan <sup>2</sup>
1.	Amaun agihan mengikut klasifikasi asnaf	4.76	Tinggi
2.	Peratusan agihan mengikut klasifikasi asnaf	4.70	Tinggi
3.	Amaun agihan mengikut keutamaan asnaf	4.70	Tinggi
4.	Agihan mengikut lokasi – Bandar dan Luar Bandar	4.38	Tinggi
5.	Agihan mengikut jenis (tradisional (tunai), atau produktif & jangka panjang. (Contoh: bantuan modal, penajaan biasiswa))	4.44	Tinggi
6.	Kriteria penilaian kelayakan penerima zakat	4.44	Tinggi
7.	Kaedah permohonan zakat. Contoh online, borang, temuduga keberhasilan ( <i>outcome</i> )	4.16	Tinggi
8.	Kumpulan penerima zakat baharu mengikut kategori asnaf	4.32	Tinggi
9.	Agihan secara tidak berpusat/ agihan melalui	4.22	Tinggi

10.	wakil dilantik ( <i>Decentralization</i> ) Indikator prestasi agihan (termasuk ukuran kecekapan dan ukuran keberhasilan ( <i>outcome</i> ))	4.32	Tinggi
	Purata	4.44	Tinggi

Nota: <sup>1</sup>berdasarkan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju  
<sup>2</sup> Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 2016

Jadual 6 menunjukkan pendedahan maklumat berkaitan lebih kutipan zakat. Item yang tertinggi nilai min ialah amaun zakat belum diagih (4.67) dan purata nilai min keseluruhan ialah 4.63. Nilai min purata berada pada tahap persetujuan yang tinggi.

**Jadual 6: Pendedahan Maklumat Lebih Kutipan Zakat**

Bil	Item	Nilai Min <sup>1</sup>	Tahap Persetujuan <sup>2</sup>
1.	Amaun zakat belum diagih	4.67	Tinggi
2.	Justifikasi bagi zakat belum agih	4.60	Tinggi
3.	Laporan tentang zakat belum agih (Contoh: dilaburkan)	4.63	Tinggi
	Purata	4.63	Tinggi

Nota: <sup>1</sup>berdasarkan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju  
<sup>2</sup> Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 2016

Berdasarkan Jadual 7, nilai min responden yang tertinggi adalah item pendedahan penyata berasingan kumpulan wang zakat (4.68) diikuti oleh pendedahan maklumat kutipan zakat (4.63) dan seterusnya pendedahan penting maklumat zakat (4.56). Manakala pendedahan maklumat agihan dan kutipan zakat masing-masing berada kedua terakhir dan terakhir untuk nilai min iaitu 4.44 dan 4.39. Namun secara keseluruhannya nilai min ialah 4.54 dan berada pada tahap persetujuan yang tinggi.

**Jadual 7: Senarai Pendedahan Maklumat Zakat Berdasarkan Keutamaan**

Bil	Item	Nilai Min <sup>1</sup>	Tahap Persetujuan <sup>2</sup>
1.	Pendedahan Penyata Berasingan Kumpulan Wang Zakat (termasuk nota kepada akaun)	4.68	Tinggi
2.	Pendedahan Maklumat Lebih Kutipan Zakat	4.63	Tinggi
3.	Pendedahan penting maklumat Zakat	4.56	Tinggi
4.	Pendedahan Maklumat Agihan Zakat	4.44	Tinggi
5.	Pendedahan Maklumat Kutipan Zakat	4.39	Tinggi
	Purata	4.54	Tinggi

Nota: <sup>1</sup>berdasarkan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju  
<sup>2</sup> Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril B. Balli & Wahid Razzaly, 2010)

Sumber: Soal Selidik, 2016

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Para pembuat dasar termasuklah para akauntan dan para pegawai daripada institusi MAIN secara umumnya telah bersetuju bahawa pendedahan maklumat berkenaan zakat adalah perlu seiring dengan hasrat JANM yang ingin melihat institusi MAIN mempunyai satu bentuk perakaunan zakat yang sesuai mengikut syariah. Malah apa yang diperlukan kini adalah mewujudkan satu piawaian perakaunan Islam yang boleh diaplikasikan oleh kesemua MAIN. Respons yang diberikan sudah cukup membuktikan pihak MAIN terutamanya di bahagian perakaunan dan kewangan menanti-nantikan satu piawaian perakaunan yang bertepatan dengan falsafah Islam untuk memastikan peranan institusi MAIN menguruskan harta umat Islam mengikut bidang kuasa di negeri masing-masing dengan cekap dan menepati syariah.

Perkara utama yang menjadi pokok perbincangan ini adalah bagaimana pihak institusi MAIN melalui institusi zakat dapat berperanan dalam melaporkan segala aktiviti pengurusan kewangan zakat. Dana zakat di bahagian kumpulan wang zakat merupakan satu bentuk wang amanah yang bersifat liabiliti yang perlu diuruskan oleh institusi zakat secara telus dan integriti. Kajian ini mendapati pihak akauntan zakat telah menjalankan tugas dengan baik dalam merekodkan segala aktiviti kutipan dan agihan zakat namun daripada aspek yang lain, pihak MAIN juga perlu memberi perhatian kepada aspek pelaporan kewangan zakat kepada pemegang taruh termasuklah masyarakat yang sentiasa menanti-nantikan satu laporan zakat yang berbentuk komprehensif dan professional. Justeru beberapa istilah perakaunan untuk zakat perlu diubahsuai agar ia mencerminkan keadaan yang sebenar falsafah zakat. Antara istilah yang perlu diberi perhatian ialah istilah hasil dan belanja berkaitan zakat. Ini adalah kerana dalam piawaian perakaunan Islam, beberapa istilah mungkin perlu diselaraskan kerana dana kumpulan wang zakat merupakan liabiliti yang perlu diuruskan dengan cekap dan amanah. Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden sudah boleh menerima istilah terimaan dan pembayaran zakat untuk menggantikan istilah hasil dan belanja yang tidak sesuai diaplikasikan kepada dana berbentuk amanah.

Hasil kajian daripada penelitian dokumen penyata kewangan MAIN juga menunjukkan bahawa wujudnya amalan oleh MAIN dalam menggunakan dana zakat untuk membeli aset tertentu seperti rumah transit untuk asnaf fakir dan miskin, rumah perlindungan untuk mualaf atau asrama untuk kegunaan pelajar di bawah kategori asnaf *fisabilillah* dan sebagainya. Pihak Jawatankuasa fatwa di peringkat negeri sebenarnya telah meluluskan kaedah ini berdasarkan penyata kewangan tersebut. Kaedah ini juga disokong oleh pandangan Qardawi (2000) yang mengharuskan institusi zakat membangunkan kilang-kilang, premis-premis kediaman, kompleks-komplek perniagaan dan pelbagai lagi harta *aqar* dengan menggunakan harta-harta zakat. Namun harta-harta *aqar* tersebut dijadikan milik asnaf dengan pemilikan penuh atau pemilikan separa. Ia bertujuan agar harta-harta *aqar* tersebut dapat menjana pendapatan bagi mereka yang dapat memenuhi kecukupan mereka dengan sempurna. (Bunasir dan Wahid, 2017). Namun begitu amalan semasa oleh MAIN menunjukkan pihak MAIN hanya merekodkan sahaja aset tersebut dalam rekod daftar aset tanpa

mengakaunkan aset tersebut. Ini kerana berdasarkan amalan pengagihan zakat oleh MAIN hanya melibatkan belanja habis sahaja dan tiada melibatkan pembelian aset. Justeru pembelian aset dianggap belanja sahaja. Masalahnya dalam penyata akaun zakat, wujud pula belanja penyelenggaraan aset tetapi aset zakat tiada dilaporkan dalam penyata kewangan. Sekiranya mengiktiraf aset zakat, maka akan menimbulkan beberapa isu lain yang berkaitan termasuklah isu pengukuran aset dan isu bagaimana aset tersebut didedahkan dalam penyata kewangan dan ini memerlukan pandangan pakar dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Isu aset zakat sebagai harta amanah juga merupakan satu isu penting. Isu yang timbul adalah berkait dengan pemilikan sesuatu aset. Adakah dibenarkan MAIN memiliki aset zakat? Pemerhatian yang dilakukan oleh kajian ini mendapati aset tersebut sememangnya telah didaftarkan kepada MAIN. Namun terdapat satu pandangan lain yang mencadangkan agar aset tersebut dipindahkan milik sepenuhnya kepada pihak MAIN untuk menyelesaikan masalah ini. Ini dapat dilakukan sekiranya berlaku terlebih dahulu pindah milik aset kepada asnaf seperti pandangan Qardawi (2000). Persoalannya bagaimanakah kaedah yang sesuai untuk memindahkan aset tersebut kepada asnaf yang secara praktikalnya adalah ramai. Kemudian harta ini dipindahkan milik kepada MAIN melalui serahan oleh asnaf terhadap MAIN tetapi adakah dibenarkan pemindahan milik ini berlaku sekiranya wujud unsur paksaan pemindahan milik oleh asnaf kepada pihak MAIN yang berkemungkinan boleh mencatatkan kontrak tersebut?

Kajian ini juga mendapati isu lebihan zakat yang tidak diagihkan setiap tahun adalah isu yang berkait dengan perakaunan. Ini disebabkan pembayaran zakat yang tinggi oleh pembayar zakat yang berlaku di bulan Disember (lihat kajian Kamsani et al, 2016) dan lebihan ini akan digunakan untuk pengagihan di tahun berikutnya dan sekiranya ada lebihan selepas diagihkan pada tahun berikutnya, lebihan tersebut akan dipindahkan ke akaun lebihan wang zakat terkumpul. Isu yang berlaku di sini ialah (1) wujud MAIN yang menggabungkan kesemua lebihan wang terkumpul dalam satu akaun seperti menggabungkan lebihan terkumpul wang zakat, wakaf dan baitulmal. Sekiranya pengiktirafan dana kumpulan wang zakat dan wakaf sebagai wang amanah, maka adalah tidak wajar digabungkan dengan lebihan terkumpul wang baitulmal yang bukan merupakan wang amanah tetapi dimiliki sepenuhnya oleh Baitulmal. (2) Konsep lebihan wang terkumpul daripada aspek perakaunan merupakan konsep ekuiti pemilik seolah-olah milik sepenuhnya entiti berkenaan namun amalan MAIN mengakaunkan lebihan wang zakat dan wakaf di bahagian ini yang jelas menunjukkan ketidaksesuaian item ini di bahagian ekuiti pemilik jika diaplikasikan piawaian perakaunan Islam. Justeru kemungkinan item lebihan terkumpul wang zakat perlu diletakkan di bahagian liabiliti yang menggambarkan bayaran zakat yang belum dilunaskan oleh MAIN dan sebagainya.

Berdasarkan beberapa amalan pengurusan zakat oleh MAIN seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan satu enakmen zakat yang khusus seperti Enakmen Wakaf perlu diadakan memandangkan pengurusan kumpulan wang

zakat telah menjadi semakin kompleks seperti pembelian aset bangunan, aset kenderaan, pemilikan aset zakat, pendahuluan wang zakat daripada kategori asnaf *fi sabilillah* untuk tujuan pembangunan wakaf atau baitulmal, pendefinisian asnaf yang semakin luas, bantuan zakat yang telah melangkaui sempadan geografi dan sebagainya. Penggunaan enakmen pentadbiran agama Islam negeri yang sedia ada untuk pengurusan zakat didapati adalah amat terhad sedangkan perkembangan semasa menunjukkan pengurusan zakat semakin mencabar bukan sahaja untuk mempelbagaikan kaedah pengagihan zakat ke arah yang lebih produktif, malah menyahut cabaran pihak pemegang taruh untuk menjadikan pengurusan zakat ke arah lebih profesional. Ini juga memerlukan satu perubahan dan anjakan paradigma amil dan pengurus zakat, asnaf zakat serta pembayar zakat. Justeru, satu piawaian perakaunan zakat sememangnya diperlukan untuk memenuhi lompang yang sedia ada.

## **KESIMPULAN**

Ayat al-Quran menunjukkan setiap urusan atau transaksi kontrak bukan sahaja perlu memenuhi rukun serta syarat kontrak malah ia juga perlu direkodkan untuk memastikan konsep keadilan terpelihara serta mengelakkan pertelingkahan dalam kalangan masyarakat terutamanya yang berkaitan dengan kontrak hutang. Namun keadaan semasa menuntut MAIN bukan sekadar merekodkan transaksi yang berlaku dalam buku rekod dan sebagainya, malah kajian ini mencadangkan segala rekod kewangan ini perlu dijadikan satu bentuk pelaporan kewangan yang komprehensif dan profesional yang menggambarkan kekuatan Islam itu sendiri. Justeru satu piawaian perakaunan Islam bagi mengakaunkan zakat, wakaf dan baitulmal adalah perlu bagi menjamin ketelusan dan integriti institusi yang menjalankan amanah ini. Tindakan ini diharapkan akan meningkatkan keyakinan masyarakat Islam khususnya dan bukan Islam umumnya terhadap institusi MAIN dalam menguruskan harta umat Islam.

## **RUJUKAN**

- Abu-Bakar, N. B., Abdul-Rahman, A. R., & Rashid, H. M. A (2006). *Motivations of paying zakat on income: An evidence*. Paper Presented at the National Seminar in Islamic Banking and Finance: Islamic Wealth Management Prospects, Issues and Challenges, Kuala Lumpur, 2006.
- Ahmad Shahir Makhtar, Shafian Ahmad, Mat Noor Mat Zain & Zaini Nasobah. (2016). *Tranformasi Pengurusan Zakat Dan Model Pelaksanannya di Malaysia*. Prosiding Antarabangsa Perundangan Islam.
- Ali, A. A. (1990). *A comparative study of zakah administration system in Muslim countries: Zakatable funds of the state and modes of their collection*. Paper Presented at the Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications, Malaysia, 19-22 May 1990.

- Bunasir, M.A & Wahid, H (2017) *Pembangunan Harta Aqar Zakat: Kajian Terhadap Model Pembangunan Harta Aqar Majlis Agama Islam Negeri Johor*. dalam Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) 2017 anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Connolly, C., & Hyndman, N. (2013). *Towards charity accountability: Narrowing the gap between provision and needs?* Public Management Review, 15(3), 945-968.
- Dollah, A., Ahmad, M., Wahid, A., Roni, M. S. M., & Bakar, N. A. (2004). *Kajian terhadap amalan perakaunan pengurusan dalam aspek agihan dana zakat dari perspektif pengurus zakat*. Isu-Isu kontemporari zakat di Malaysia, 1.
- Halidan, M. D. (2006). *Pengalaman Pengurusan Zakat*. Pahang: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, H. (2006). *Pengurusan Zakat: Pengalaman Negri Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, S. S. (2000). *Limitations on the Use of Zakah Funds in Financing the Socioeconomic Infrastructure of Society*. Management of Zakah in Modern Muslim Society, 2, 57-76.
- Kamil, M. I. (2005). *The Role of Intrinsic Motivational Factors on Compliance Behavior of Zakah on Employment Income*. Isu-isu kontemporari zakat di Malaysia, 1.
- Kamsani, N.Z, Wahid, H & Khalid, N (2016) *Anomali Kutipan Zakat Bulanan oleh Institusi Zakat di Malaysia*. dalam Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) 2016 anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noor, A. H. M., Musa, A., Tarimin, M., Bahrom, H., & Kaswal, S. (2004). *Prestasi pengagihan dana zakat di Malaysia*. Isu-isu kontemporari zakat di Malaysia, 1.
- Qardawi, Yusuf. (1420H/2000). *Fiqhuz Zakah, Dirasatu Muqaranati li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhau'il Qur'an was Sunnah*. Vol. 2. Ed. Ke-24. Bairut. Al-Resalah Publisher.
- Salleh, M.F., Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A & Wahid, H. (2016). *Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal*. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting Management. 6: 23-44.
- Sapingi, R., Sheikh Obid, S. N., & Nelson S.P. (2014). *Towards developing a disclosure index for Malaysian zakat institutions*. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 11(1).
- Wahid, H., & Kader, R. A. (2010). *Localization of zakat distribution: Perception of amil and zakat recipients*. Paper presented at the Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi, 6-7 January 2010.



- Zainal Abidin, J. (2006). *Pengurusan agihan zakat: Pengalaman Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainon, S., Atan, R., & Bee Wah, Y. (2014). *An empirical study on the determinants of information disclosure of Malaysian non-profit organizations*. *Asian Review of Accounting* Asian Review of Accounting, 22(1), 35-55.